



16 Disember 2025
16 December 2025
P.U. (A) 433

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA (PINDAAN) (NO. 2) 2025

*EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT)
(NO. 2) RULES 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) (NO. 2) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) (No. 2) 2025**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 20 Disember 2025.

Penggantian kaedah 34

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U. (A) 493/1991*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan menggantikan kaedah 34 dengan kaedah yang berikut:

“Penamaan oleh ahli Kumpulan Wang

34. (1) Seseorang ahli Kumpulan Wang yang layak membuat penamaan di bawah Akta boleh membuat suatu penamaan bagi maksud pembayaran kredit daripada akaunnya kepada mana-mana orang yang dinamakan selepas kematian ahli Kumpulan Wang itu dengan mengemukakan suatu notis sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Ahli Kumpulan Wang boleh membatalkan pada bila-bila masa penamaan yang dibuat di bawah subkaedah (1) dengan mengemukakan suatu notis sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Notis penamaan yang disebut di bawah subkaedah (1) dan notis pembatalan penamaan yang disebut di bawah subkaedah (2) hendaklah—

- (a) mengandungi cap ibu jari ahli Kumpulan Wang mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga atau apa-apa bentuk pengenalan diri lain ahli Kumpulan Wang itu sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga; dan
- (b) dikemukakan kepada Lembaga semasa hayat ahli Kumpulan Wang itu—
 - (i) di mana-mana pejabat Lembaga atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;
 - (ii) melalui perantaraan eletronik;
 - (iii) melalui penghantaran elektronik; atau
 - (iv) mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(4) Suatu penamaan dan pembatalan penamaan yang dibuat oleh ahli Kumpulan Wang di bawah kaedah ini hendaklah mula berkuat kuasa dari tarikh suatu notis yang lengkap dan teratur didaftarkan oleh Lembaga semasa hayat ahli Kumpulan Wang itu.

(5) Tanpa menjejaskan subkaedah (4), Lembaga boleh menolak penamaan atau pembatalan penamaan yang dibuat oleh ahli Kumpulan Wang di bawah kaedah ini jika notis itu tidak lengkap atau tidak teratur.”.

Pemotongan kaedah 36

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memotong kaedah 36.

Dibuat 12 Disember 2025

[MOF.SBM(R)600-41/39/91 Jld. 4; PN(PU2)498/JLD.20]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Pengerusi
Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) (NO. 2) RULES 2025

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Employees Provident Fund Act 1991 [*Act 452*], the Board makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Employees Provident Fund (Amendment) (No. 2) Rules 2025**.

(2) These Rules come into operation on 20 December 2025.

Substitution of rule 34

2. The Employees Provident Fund Rules 1991 [*P.U. (A) 493/1991*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended by substituting for rule 34 the following rule:

“Nomination by member of the Fund

34. (1) A member of the Fund who is eligible to make a nomination under the Act may make a nomination for the purpose of payment of credit from his account to any person nominated after the death of the member of the Fund by submitting a notice as determined by the Board.

(2) A member of the Fund may revoke at any time the nomination made under subrule (1) by submitting a notice as determined by the Board.

(3) The notice of nomination referred to under subrule (1) and the notice of revocation of nomination referred to under subrule (2) shall—

(a) bear a thumb impression of the member of the Fund in a manner as determined by the Board or any other form of self-identification of the member of the Fund as the Board thinks appropriate; and

(b) be submitted to the Board during the lifetime of the member of the Fund—

(i) to any of the Board's office or at any other place as determined by the Board;

(ii) through an electronic medium;

(iii) through an electronic transmission; or

(iv) in any other manner as determined by the Board.

(4) A nomination and revocation of nomination made by a member of the Fund under this rule shall take effect from the date of a complete and in order notice is registered by the Board during the lifetime of the member of the Fund.

(5) Without prejudice to subrule (4), the Board may refuse the nomination or revocation of nomination made by the member of the Fund under this rule if the notice is incomplete or not in order.”.

Deletion of rule 36

3. The principal Rules are amended by deleting rule 36.

Made 12 December 2025

[MOF.SBM(R)600-41/39/91 Jld. 4; PN(PU2)498/JLD.20]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Chairman
Employees Provident Fund Board